

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HSK 402 Sejarah: Teori dan Kaedah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH (7) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. "Bagi sejarah, objek yang dikaji bukanlah semata-mata peristiwa sahaja tetapi pemikiran yang dinyatakan di dalamnya". R.G. Collingwood
Bincangkan.
2. Bolehkah fakta sejarah dianggap sebagai paku-paku tetap yang menjadi landasan untuk membina rekonstruksi yang menepati realiti masa lampau?
3. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan bahawa hukum-hukum am bukan saja merupakan satu alat yang perlu dalam penyelidikan sejarah tetapi juga adalah unsur yang penting dalam penjelasan sejarah?
4. Setujukah anda bahawa penekanan kepada struktur sosio-ekonomi sebagai asas fahaman satu-satu kejadian sejarah telah menyempitkan pandangan sarjana aliran Marxis kerana menjadikan sudut pandangan mereka bersifat satu dimensi serta mekanistik?
5. Apakah, pada pandangan anda, dengan memindahkan sudut penglihatan sejarah daripada "rahsia-rahsia negara" kepada "rahsia-rahsia masyarakat", Aliran Annales telah berjaya menjadikan kajian sejarah lebih mantap?

.../2

6. Setujukah anda dengan pandangan bahawa tidak ada objektiviti yang tulen dalam sejarah kerana semua tulisan sejarah melibatkan unsur nilai dan retorika serta soal kuasa?

7. Sejauh manakah anda setuju dengan pandangan Arthur Marwick bahawa kontroversi sejarah yang melibatkan pertembungan tafsiran, pendekatan serta metodologi telah menambahkan fahaman dan pengetahuan sejarah?

--ooo000ooo--